

Puteri sultan ikon fesyen

Hasrat terpendam sekian lama kini terlaksana menerusi koleksi pakaian Tunku Aminah X Jovian



Tunku Tun Aminah menurunkan tandatangannya pada pelancaran koleksi Tunku Aminah X Jovian di Johor Bahru.

Kelbat puteri tunggal Sultan Johor, Tunku Tun Aminah Sultan Ibrahim, dalam dunia fesyen bukan sesuatu yang asing. Malah, penampilan Tunku Puteri ini sentiasa menjadi perhatian peminat kerabat Diraja Johor dan pengikut fesyen tanah air dengan gayanya yang bersahaja sekali gus menampilkan sisi lain kehidupan seorang puteri raja.

Tidak keterlaluan apabila puteri kepada Permaisuri Johor, Raja Zarith Sofiah Sultan Idris ini diberi jolokan sebagai 'ikon fesyen' malah menjadi satu-satunya anak raja yang menghasilkan rangkaian pakaian dengan kerjasama pereka fesyen terkenal, Jovian Mandagie yang dikenali koleksi Tunku Aminah X Jovian.

Sinar Harian berkesempatan mendekati Tunku Aminah untuk mengenali lanjut koleksi eksklusif pakaian yang mendapat sentuhannya.

Perwatakan curi perhatian

Setiap langkah dan perwatakan Tunku Aminah, mencuri perhatian apabila koleksi pakaian eksklusif sempena namanya itu dijual di Johor, negeri kelahiran anakanda ketiga Sultan Johor ini.

"Memang cita-cita saya sejak dulu kerana saya amat suka fesyen. Macam-macam saya ingin lakukan dalam dunia rekaan ini cuma saya tiada keyakinan, tetapi Jovian telah merealisasikan ia untuk saya," katanya yang pernah mengikuti pengajian fesyen jangka pendek di La Salle Singapura.

Ditanya mengenai jolokan ikon fesyen kepadanya menerusi akaun khas diari fesyennya di Instagram, Tunku Aminah berkata, beliau hanya menjadi dirinya.

Jelasnya, beliau terharu dan merasakan gayanya ringkas serta tidak terlalu megah.

"Saya belum memikirkan langkah seterusnya dalam industri fesyen kerana ada bisnes lain yang diusahakan dahulu. Mungkin dalam satu dua tahun akan datang," katanya yang mendedikasikan koleksinya buat rakyat Johor dan kanak-kanak Persatuan Cerebral Palsy Johor.

Setiap individu adalah puteri

Memilih rekaan pakaian siap dipakai, Jovian berkata, ia mendapat ilham daripada koleksi pakaian Tunku Aminah, selain pemilihan material kain, manik dan hiasan pilihan Puteri Raja Johor itu.

"Saya sendiri cukup mengagumi cita rasa fesyen Tunku Aminah menerusi akaun Instagramnya. Dia amat cantik, sangat bergaya, masih muda dan cukup berinspirasi."

"Beliau juga berani dalam pakaian yang disarungkan. Malah apabila menggunakan pakaian tradisional, beliau kelihatan cukup ayu. Maka, lahirlah idea ini di mana Tunku Aminah dijadikan inspirasi," katanya.

Sebanyak 21 koleksi pakaian dihasilkan menggunakan fabrik dan material seperti crepe, sutera, shantung dan organza.

"Konsep siap dipakai ini dipilih bukan daripada segmen couture kerana saya mahukan semua peminat boleh memakai koleksi ini. Saya tahu, ramai orang ingin kelihatan cantik seperti puteri," katanya.

Rasa macam nak pengsan

Kesederhanaan dan sifat berjiwa rakyat dimiliki, menjadikan Tun



Sebahagian daripada koleksi eksklusif sentuhan Tunku Tun Aminah bersama pereka fesyen, Jovian.



Koleksi pakaian yang didedikasi buat rakyat Johor dan kanak-kanak Persatuan Cerebral Palsy Johor.



Ketua Wartawan Sinar Harian Johor, Norshikin Mohd Salleh ketika menemu bual Tunku Tun Aminah.

Aminah inspirasi pengikutnya.

Bagi Nor Ashikin Abdul Salam, 18, bagaikan mimpi buatnya berkesempatan bertemu empat mata dan meluangkan masa dengan Tunku Puteri Johor itu apabila memenangi peraduan 'tag & repost' di Instagram JovianMandagie sempena pelancaran koleksi Tunku Aminah X Jovian.

"Saya dapat panggilan ke menangani ini kira-kira jam 5 petang, alangkah gembira dan terkejutnya saya sehingga nyaris pengsan.

"Perasaan tu tak dapat digambarkan kerana saya amat meminati Tunku Aminah dan mula memikirkan ayat pertama ingin diucapkan. Jika dapat bertemu puteri raja itu, saya nak cakap, *I love You* tapi perkataan itu tak terluah apabila kami bersua.

"Apapun, saya seronok dapat berkongsi pengalaman indah ini bersama ibu, Datin Siti Hafsa Kamar Bashah," katanya yang datang dari Damansara ke Johor Bahru bersama ibu bapanya.



Raja Zarith Sofiah bersama puterinya, Tunku Tun Aminah, diapit Jovian dan isteri pada pelancaran koleksi Tunku Aminah X Jovian di Hotel Double Tree, Johor Bahru.